

09/09/2003

`Perpaduan rakyat kejayaan terbesar saya'

PENAMPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini, menyifatkan kejayaan terbesarnya sepanjang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun adalah keupayaan mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

"Bukan Menara Kembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Proton atau Putrajaya tapi perpaduan kaum negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) di Dewan Hongkod Koisaan di sini, semalam.

Perhimpunan tiga hari yang bermula semalam, disertai kira-kira 500 perwakilan parti itu dari seluruh negeri.

Hadir sama Pengerusi BN Sabah merangkap Ketua Menteri, Datuk Musa Aman; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Malaysia menjadi negara membangun paling maju di dunia ketika ini adalah berkat daripada perkongsian kuasa sejati antara semua kaum.

Katanya, rakyat negara ini percaya kepada perkongsian kerana menyedari betapa negara ini milik bersama dan tidak sesiapa pun mendakwa ia milik individu.

"Perkongsian ini bukan pura-pura tapi perkongsian yang sebenar. Kita sebagai rakyat rela berkongsi kerana kita percaya negara kita akan jadi aman, katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila dilantik oleh Tun Hussin Onn menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau disalah anggap masyarakat khususnya media dan kaum Cina sehingga dirinya tidak popular ketika itu.

Bagaimanapun, katanya, tanggapan itu kini sudah berubah, selepas prasangka itu didapati tidak benar apabila usahanya mewujudkan perpaduan dan kestabilan berjaya mengukuhkan kedudukan negara.

"Walaupun dilempar pelbagai tuduhan termasuk Malay Ultra, saya percaya kita perlu bekerjasama dengan cara cukup baik dan bijak.

"Hari ini, semua kaum termasuk orang Cina yang curiga sebelumnya, turut memberi sokongan padu kepada kerajaan kerana kita rakyat Malaysia suka kepada perpaduan dan keamanan," katanya.

Dr Mahathir berkata, konsep perkongsian kuasa yang diamalkan oleh BN terbukti melalui pelantikan Majlis Dewan Tertinggi parti itu yang mana setiap parti komponen diwakili tiga orang.

Katanya, langkah itu diambil kerana BN mengambil kira kepentingan semua ahlinya, agar dapat menyuarakan pendapat dengan bebas tanpa mengira sama ada ia parti kecil atau besar.

"Oleh sebab itu, hari ini sokongan kepada BN begitu meluas, meliputi semua kaum di Malaysia. Di Sabah ada Melayu Islam, Kadazandusun, Murut serta Bajau, semuanya mempunyai suara dalam pemerintahan kerajaan negeri dan Pusat.

"Kita bincang berkenaan semua masalah tanpa membelakangkan sesiapa. Cara kita ini jelas dapat merapatkan hubungan antara semua kaum di negara ini," katanya.

Sementara itu, Pairin dalam ucapannya merakamkan penghargaan PBS kepada Perdana Menteri atas sumbangannya terhadap pembangunan negara selama menerajui kepemimpinan selama 22 tahun.

Katanya, Dr Mahathir telah menggunakan kemahiran dan pengalamannya untuk mengubati negara ini daripada pelbagai jenis penyakit sosial, politik dan ekonomi.

"Malaysia sungguh bertuah mempunyai pemimpin yang berwawasan, berpandangan jauh dan berani bertindak. Kejayaan beliau dalam menangani pelbagai masalah di dalam dan luar negara sungguh mengagumkan kita semua.

"Secara peribadi, saya memang amat kagum dengan ketokohan beliau sebagai

seorang pemimpin dan negarawan. Malah saya adalah `secret admirer` beliau," katanya.

Pairin turut memberi jaminan PBS akan memainkan peranannya sebagai anggota komponen BN untuk membantu kerajaan khususnya dari segi pelaksanaan Wawasan 2020.